

Oriental-Hyundai jangka kuasai 15 peratus pasaran

UM 21/6/08 M/S 23

Oleh AZMAN IBRAHIM

KUALA LUMPUR 20 Jun - Oriental-Hyundai Sdn. Bhd. (Oriental Hyundai) mengemukakan penguasaan pasaran antara 10 hingga 15 peratus berikutan pelancaran edisi baru Elantra 2.0L CVVT yang dilengkapi dengan kit badan sports.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Robert Wong berkata, selain Elantra, pihaknya turut mengeluarkan edisi baru kit badan sports untuk kenderaan jenis Accent 1.5 L.

Beliau memberitahu, kedua-dua kenderaan itu dilengkapi dengan kit badan sports bernilai RM2,500 bagi setiap set seperti bumper depan dan belakang, skirt sisi, serta lampu brek diod mengeluarkan cahaya (LED).

"Kit badan sports Elantra direka oleh syarikat Incus dari Korea yang terkenal dengan hasil kajian dan penyelidikannya dalam bidang automotif dan komponen kereta khususnya untuk syarikat Hyundai Motor.

"Kit badan sports Accent pula direka oleh syarikat Calma Co. Ltd. yang berpangkalan di Jepun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada majlis pelancaran aksesori tambahan kereta Corazon 2 Accent, Incus Elantra Sport Edition dan gas asli untuk kenderaan (NGV) bagi pelanggan Hyundai di Wisma Kah di sini hari ini.

Wong menambah, sebagai langkah penjimatan minyak, syarikatnya mengadakan kerjasama dengan syarikat LO Gas SRL dari Itali bagi melengkapkan tiga jenis model keluaran syarikat itu iaitu Accent, Elantra dan Sonata dengan NGV.

Kelengkapan NGV yang ditawarkan berharga RM5,850 untuk Accent, Elantra (RM5,950) dan Sonata pada harga RM6,300.

Menurut Wong, penggunaan NGV itu akan membuktikan komitmen pihaknya menawarkan penjimatan minyak dan mencari alternatif tenaga selain petrol dan diesel.

"Setakat ini, kami sudah memasang hampir 200 unit NGV kepada kenderaan keluaran Hyundai," ujarnya.

Penggunaan gas untuk kenderaan keluaran Hyundai bagi kapasiti 1.5 liter adalah sebanyak 6 sen bagi setiap kilometer manakala 2.0 liter (8 hingga 9 sen seliter) serta kenderaan berkapasiti 2.4 liter hanya menggunakan 10 hingga 12 sen gas bagi setiap kilometer.



ROBERT Wong (kiri) bersalam dengan Presiden Calma Company Ltd., Masahiko Nogami dengan berlatarbelakangkan sebuah kereta Hyundai Accent edisi baru yang dilengkapi dengan kit badan sports di Kuala Lumpur, semalam